

perbadanan
kemajuan
kraftangan
malaysia

Tarikh : 26 Januari 2010
Rujukan Kami : (06) PKWP/33/3/600/3/30 Jld 9
Rujukan Tuan :



فرمانان كمالجان كراف تاغو مليسيا

Kompleks Kraf Kuala Lumpur
Seksyen 63, Jalan Conlay
50450 Kuala Lumpur
Tel : 03-21627459
Faks : 03-21612622
www.kraftangan.gov.my

Dekan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 Bangi
Selangor
Faks: 03-8921 4242

237/2

Tuan/Puan

JEMPUTAN LAWATAN BERPANDU SEMPENA HARI KRAF KEBANGSAAN 2010

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, Kraftangan Malaysia agensi di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) akan mengadakan Hari Kraf Kebangsaan 2010 di Kompleks Kraf Kuala Lumpur mulai 24 Februari hingga 8 Mac 2010, dari pukul 10.00 pagi hingga 8.00 malam.

3. Hari Kraf Kebangsaan (HKK) diadakan setiap tahun dan tahun ini merupakan kali yang ke-8. HKK diadakan bagi memberi pengiktirafan ke atas penglibatan dan sumbangan pengusaha dan penggiat seni kraf tempatan kepada pembangunan industri kraf negara. Program ini melibatkan lebih 450 pengusaha kraf dari seluruh negara. Antara aktiviti utama yang akan diadakan sepanjang HKK 2010 ialah Jualan Produk Kraf, Demonstrasi dan Interaktif Kraf, Pameran Produk Baru, Pameran Produk Kraf Warisan, Persembahan Kesenian serta Permainan Rakyat.

4. Sepanjang HKK berlangsung, Kraftangan Malaysia turut mengadakan lawatan berpandu kepada semua pengunjung. Sehubungan itu, kami dengan hormatnya menjemput tuan/puan dan para pelajar untuk datang melawat dan membeli-belah pelbagai produk kraf yang terbaru dengan harga tawaran menarik pada tarikh tersebut dari jam 10.00 pagi - 5.00 petang. Melalui acara Lawatan Berpandu kumpulan lawatan tuan/puan akan menerima cenderahati sebagai tanda penghargaan dan bagi penyelaras / ketua kumpulan yang membawa lebih daripada 30 orang akan menerima hadiah istimewa.



Handwritten notes: "Mardin dlm e-wagi" and "237/2".




5. Sekiranya tuan/puan memerlukan penerangan lanjut, sila hubungi Urusetia Lawatan Berpandu di talian 03-21611470 / 21611480. Pihak tuan/puan juga boleh melayari laman sesawang kami di www.kraftangan.gov.my atau e-mel kepada hkk10@kraftangan.gov.my Bersama-sama ini disertakan juga borang pengesahan kehadiran untuk tindakan pihak tuan/puan selanjutnya.

Keprihatinan serta kesudian pihak tuan/puan berkunjung ke Kompleks Kraf Kuala Lumpur ini amatlah kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dan salam hormat daripada kami.

"BUDI BAHASA BUDAYA KITA"

Saya yang menurut perintah



(IBRAHIM ISMAIL)
Pengarah
Bahagian Pembangunan Pasaran & Promosi
KRAFTANGAN MALAYSIA



Borang Pengesahan Lawatan

HARI KRAF KEBANGSAAN 2010

*Jualan, Demonstrasi & Pameran
Perkhidmatan Lawatan Berpandu
Bermula dari 24 Feb. - 08 Mac 2010, 10.00 pg ~ 5.00 ptg*

Sila tandakan (✓) kepada yang berkenaan

Hadir

Tidak Hadir

Sekolah / Institut :

Tarikh Lawatan : Masa : dari hingga

Bil. Peserta Kumpulan :

Koordinasi Lawatan :-
Butiran Pegawai Penyelaras:

Nama :

Jawatan :

(Tel./Hp) (Faks)

E-mail :

Urusetia Lawatan Berpandu mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian melawat Kompleks Kraf Kuala Lumpur sempena Hari Kraf Kebangsaan 2010
Sila kembalikan kepada :-

Urusetia Lawatan Berpandu Hari Kraf Kebangsaan 2010
Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
Kompleks Kraf Kuala Lumpur
Seksyen 63, Jalan Conlay
50450 Kuala Lumpur
03 - 2161 1470 / 80 (T)
03 - 2161 1501 / 2162 2181 (F)
hkk10@kraftangan.gov.my